

Headline	Dua pelajar UUM menang anugerah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Nov 2012	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Color	Black/white
Page No	12	ArticleSize	51 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 235	PR Value	RM 705



## Dua pelajar UUM menang anugerah

**KUALA LUMPUR** – Dua pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berjaya memenangi Anugerah Cipta pada Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2012 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Kemenangan tersebut diperoleh hasil rekaan yang bertajuk 'Coin Management System' oleh Brian Law Chi Sin dan Darren Lee Boo Lye.

Naib Canselor UUM, Profesor Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pihak universiti amat berbangga dengan pencapaian tersebut dan memerlukan lebih ramai mahasiswa untuk menghasilkan idea dan inovasi seperti yang dipertandingkan dalam program berkenaan.

"Kita harap lebih banyak mahasiswa tampil untuk menghasilkan rekaan yang kreatif dan memenangi pertandingan di dalam atau luar negara.

"Dengan cara itu, kita percaya hasilnya akan memberi manfaat kepada negara sekali gus mengangkat martabat UUM," katanya di sini baru-baru ini.